



DELEGASI pelajar USIM melakukan kunjungan hormat kepada Persatuan Pelajar Malaysia di Jepun di Tokyo, Jepun baru-baru ini.

Pelajar USIM kagum disiplin kerja rakyat Jepun

KUALA LUMPUR 22 Dis. - Satu delegasi terdiri daripada 21 orang daripada Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) tahun 2013/2014 telah mengadakan lawatan ke Jepun baru-baru ini untuk melihat sendiri kebudayaan negara matahari terbit itu.

USIM dalam satu kenyataan berkata, kunjungan selama seminggu bermula 20 November itu bertujuan mendedahkan delegasi tersebut tentang bagaimana Jepun sebagai sebuah negara maju dapat mengekalkan nilai ketimurannya.

Kunjungan itu, kata kenyataan berkenaan, merangkumi beberapa tempat di kota metropolitan Tokyo, termasuk di Institut Islam Arab Tokyo, Masjid Camii, Taman Rikugien, Imperial Palace dan Meiji Shrine.

Selain itu, jelas USIM, delegasi tersebut sempat mengadakan pertemuan dengan Naib Presiden Persatuan Pelajar Malaysia di Jepun (MSAJ), Abdul Rifqi Al-Abqary Abdul Walid dan wakil dua pertubuhan pelajar lain iaitu Ikatan Pelajar Islam Jepun (IPIJ) dan Aspiring Malaysians Rijal (Amir).

Berdasarkan kunjungan itu, kenyataan tersebut menyimpulkan bahawa disiplin dan kebersihan rakyat Jepun perlu dicontohi dan dibudayakan oleh rakyat negara ini lebih-lebih lagi ketika Malaysia menghampiri status negara majunya pada 2020.

Katanya, disiplin rakyat negara matahari terbit itu yang sentiasa mematuhi undang-undang dan saling menghormati telah menjadi jati diri masyarakat di sana sekali

pun hidup dalam arus pemodenan.

"Disiplin dan Jepun tidak mungkin dapat dipisahkan. Tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa adalah sesuatu yang aneh sekiranya terdapat individu yang melanggar disiplin dalam masyarakat ini.

"Setiap hari pasti akan terlihat di mana-mana rantaian manusia daripada pelbagai lapisan umur beratur panjang hanya untuk menaiki pengangkutan awam, membeli makanan dan tiket serta membayar barangan," jelasnya.

Menurut USIM, tidak kelihatan yang memotong barisan tersebut sementara pengguna jalan raya pula, dari pejalan kaki sehingga ke pemandu lori, tidak kelihatan melanggar lampu isyarat merah apatah lagi peraturan jalan raya lain.

Sekiranya menggunakan eskala-

tor kata kenyataan itu, pengguna akan merapatkan diri mereka ke sebelah kiri sambil berdiri senyap dan mengosongkan laluan di sebelah kanan untuk memberi ruang kepada pengguna lain yang hendak berjalan atau bergerak lebih pantas.

Lebih daripada itu, katanya, rakyat Jepun amat menitik berat kebersihan sehingga amat sukar untuk melihat cebisan sampah di jalanan sementara tandas awamnya adalah amat bersih termasuk di kota metropolitan seperti Tokyo.

"Budaya kitar semula diamalkan segenap lapisan masyarakat bahkan pekerjaan sebagai pemungut sampah diletakkan nilai kemuliaan yang tinggi di mata masyarakat Jepun sehingga digelar jurutera kebersihan," katanya.